

Headline **Buang bayi untuk tutup malu**
Date **19 Feb 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **22**
Article Size **212 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,891**
PRValue **8,673**



Buang bayi untuk tutup malu

BUANG anak bagi menutup malu atas perbuatan sendiri. Itu cara segelintir masyarakat hari ini tanpa sekelumit pun ada rasa bersalah. Ada juga yang sanggup membunuh bayi dikandung selama sembilan bulan termasuk dibuang ke dalam mangkuk tandas, sungai atau ke dalam tong sampah bagi menyembunyikan ketelanjuran mereka.

Begitu sekali ketakutan mereka sehingga tidak takut 'membunuh' hanya bagi mengelakkan masyarakat tahu perbuatan jahat yang mereka lakukan. Malangnya, ketika melakukan perbuatan tidak bermoral itu sehingga hamil luar nikah, tidak pula mereka terfikir rasa takut jika ada yang mengetahui perbuatan tidak senonoh mereka itu.

Bagi generasi muda hari ini, tiada istilah berzina kerana apabila dilakukan di atas paksi suka sama suka, dosa pahala ditolak ke tepi. Apa yang berlaku kemudian, belakang cerita,

itu kata orang muda. Mungkinkah mereka terlalu 'hijau' sehingga tidak memikirkan kesan buruk perbuatan itu atau sememangnya mereka tidak tahu apa yang dilakukan boleh membenihkan insan bernyawa kelak?

Jika itulah jawapannya, mungkin cadangan untuk mengadakan pendidikan seks di sekolah wajar dipercepatkan. Hari ini, kanak-kanak seawal pada peringkat sekolah rendah boleh mendapatkan maklumat mengenai seks menerusi teman dan internet.

Justeru, mereka perlu diberi maklumat yang betul supaya tidak terjebak dalam perlakuan yang boleh memudaratkan itu. Pendidikan seks bukan mengajar kanak-kanak mengenai seks, sebaliknya ia memberi kefahaman kepada anak-anak kita mengenai tubuh mereka.

Ini termasuk apa kesannya jika mereka terbabit dalam kegiatan tidak bermoral itu seperti hamil luar nikah

pada usia muda, dan kebarangkalian dijangkiti penyakit yang berkaitan dengan seks seperti sifilis, selain virus yang tiada penawar, HIV.

Pada masa yang sama, ibu bapa perlu memberi 'didikan' berkenaan bukan saja kepada anak perempuan supaya menjaga kehormatan diri mereka, sebaliknya anak lelaki juga perlu dididik untuk menghormati wanita.

Didikan itu penting kerana dalam kebanyakan kes, lelaki yang terbabit dalam kegiatan seksual di kalangan generasi muda itu seolah-olah langsung tidak menghormati wanita sehingga sanggup merosakkan masa depan

wanita yang kononnya ditiduri atas dasar cinta.

Malah, pihak berkuasa perlu memastikan lelaki atau bapa kepada bayi luar nikah, termasuk dalam kes buang bayi turut dihukum kerana dalam kebanyakan kes, hanya wanita saja yang dipersalahkan.

Hakikatnya, semua masalah itu bermula

daripada satu masalah iaitu kegiatan seksual tanpa ikatan pernikahan atau perkataan mudahnya, zina.

Istu ini bukan masalah terpinggir lagi dan tidak boleh dipandang ringan kerana beberapa kajian yang didedahkan sebelum ini menunjukkan semakin ramai generasi muda yang pernah

terbabit dalam aktiviti seksual sebelum berkahwin.

Pelbagai pihak perlu tampil dengan kaedah berkesan sama ada mengadakan kempen kesedaran, mempercepatkan pelaksanaan pendidikan seks di sekolah atau menggunakan saluran undang-undang untuk mencegah 'penyakit sosial' itu daripada terus bertapak di kalangan masyarakat.

Jika tiada tindakan segera dilakukan bagi memberi kesedaran kepada generasi muda ini, kita bimbang satu hari nanti perzinaan tidak lagi dianggap satu dosa berat seperti yang berlaku di Barat. - **fadzlena@**

bharian.com.my